

Headline	Projek LLS pertama TNB bulan depan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	05 Jun 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Niaga	Page No	51
ArticleSize	68 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,688		



Projek LLS pertama TNB bulan depan

KUALA LUMPUR – Tenaga Nasional Bhd. (TNB) dijadualkan untuk memulakan kerja-kerja pembinaan projek Solar Berskala Besar (LLS) pertamanya di Malaysia yang terletak di Mukim Tanjung 12, Kuala Langat, Selangor pada bulan depan.

TNB dalam satu kenyataan berkata, tanah yang terlibat, yang akan dibersihkan secara berfasa itu akan dibangunkan menjadi ladang solar seluas 68 hektar dan selebihnya akan digunakan oleh talian penghantaran bervoltan tinggi seluas 29 hektar.

“Apabila siap dan mula beroperasi sepenuhnya menjelang November 2018, projek tersebut akan menjana dan menghantar sejumlah 50 Megawatt elektrik ke grid nasional,” kata kenyataan tersebut di sini semalam.

Projek LLS merupakan sebahagian daripada aspirasi TNB dalam membawakan sebahagian besar daripada tenaga boleh diperbaharui di Malaysia dengan membuat pelaburan dalam tenaga solar, angin, biomass, biogas dan projek-projek hidro mini.